



Headline: Rugi RM6,290 ditipu staf TNB palsu
Publication/Portal: Kosmo
Date: 8 August 2019

Language: Malay
Section: Negara
Page: 14

Rugi RM6,290 ditipu staf TNB palsu

SEBERANG PERAI - Seorang pesara di Butterworth di sini berputih mata apabila kerugian wang simpanan sebanyak RM6,290 selepas dipercayai menjadi mangsa penipuan sindiket *Macau Scam*.

Mangsa lelaki berusia 54 tahun itu mula terjerat dalam sindiket itu selepas menerima panggilan daripada seorang lelaki yang dipercayai menyamar sebagai pegawai Tenaga Nasional Berhad (TNB) baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd. Noor berkata, mangsa dimaklumkan oleh individu terbabit bahawa premis restorannya mempunyai tunggakan bil elektrik.

"Dia yang terkejut dan terlalu takut dengan maklumat yang diberikan telah dipercayai kata-kata pemanggil tersebut.

"Mangsa telah diminta untuk membuat bayaran kepada lelaki itu tanpa perlu membuat rujukan dengan pihak TNB," katanya kepada pemberita semalam.

Noorzainy berkata, mangsa telah mengikut arahan suspek dengan melakukan dua transaksi memasukkan wang ke dalam dua akaun seperti yang diberikan.

"Dia memindahkan wang ke dalam akaun itu berjumlah RM6,290 sebelum menyedari telah ditipu oleh sindiket dan tampil membuat laporan polis," ujarnya.

Noorzainy berkata, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.